

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU – BN UPKO]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah jenis-jenis insentif-insentif dalam RMK-11 yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi membantu dan memacu masyarakat Bumiputera minoriti di negeri Sabah, agar agenda pemeraksanaan ekonomi Bumiputera dapat dicapai menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pelbagai insentif dan program akan disediakan bagi membantu dan memacu pertumbuhan masyarakat di negeri Sabah khususnya kaum Bumiputera minoriti. Antara insentif dan program yang disediakan termasuk:

- (i) memperluaskan konsep Sekolah K9 untuk meningkatkan enrolmen pelajar khususnya di luar bandar dan pedalaman Sabah bagi mengurangkan kadar keciciran sekolah. Kemudahan yang sesuai seperti asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan akan terus disediakan bagi membolehkan mereka melengkapkan pendidikan rendah dan menengah;
- (ii) meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran berkualiti dengan menyediakan bantuan pembiayaan. Pertimbangan khas akan diberikan kepada pelajar potensi di luar bandar dan pedalaman Sabah dengan meningkatkan pengambilan pelajar cemerlang dalam sekolah berprestasi tinggi;
- (iii) memperluas program perladangan berskala besar seperti Agropolitan, Ladang Masyarakat, Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Rancangan Penempatan Semula (RPS). Untuk tujuan tersebut, proses pemberian hak milik tanah individu akan dipercepatkan bagi mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah;

- (iv) menyemak semula prosedur pentadbiran dalam pemberian pemilikan tanah *Native Customary Rights* (NCR) untuk mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah. Program Khas Anak Negeri Sabah yang merangkumi program pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah terutamanya dalam Projek NCR, *native courts*, infrastruktur, ekonomi dan pendidikan akan terus dilaksanakan;
- (v) menyediakan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan asas melalui pembinaan penempatan bersepadu di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) dan Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (vi) Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC di Sabah akan digunakan bagi membantu isi rumah B40 dan usahawan PKS di luar bandar dan pedalaman Sabah meningkatkan akses kepada pasaran. Pusat ini akan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk pelabelan, pembungkusan, pengagihan, penyimpanan dan pemasaran produk;
- (vii) menyediakan kemudahan dana permulaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menggalakkan penubuhan perusahaan komuniti berasaskan koperasi. Perusahaan ini akan menumpukan aktiviti yang memanfaatkan kelebihan dan keunikan budaya mereka seperti kraftangan, produk berasaskan hutan, eko pelancongan dan inapan keluarga; dan
- (viii) melaksanakan program peningkatan kemahiran di bawah Program Kapasiti dan Kapabiliti Bumiputera Sabah. Selain itu juga, kemudahan pembiayaan dan program latihan keusahawanan akan

disediakan di bawah Program Dana Pembangunan Usahawan Sabah oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Sehubungan itu, Bumiputera minoriti di Sabah disaran untuk mengambil peluang yang disediakan agar hasrat untuk memperkasa agenda Bumiputera menjelang 2020 dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.